



Headline: 30 tertipu setiap hari
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 5 September 2018

Language: Malay
Section: Setempat
Page: 5

"Kami memang sengaja memuat naiknya untuk memberi kesedaran kepada orang awam berhubung pelbagai penipuan penyamaran yang dilakukan melalui telefon"

Ahmad Noordin

HARIAN METRO

MACAU SCAM
PENYAMARAN MELALUI TELEFON

Menyamar sebagai pegawai Bank / Polis / Mahkamah / SPRM dll ...

Ugut mangsa bahawa mangsa terlibat dalam aktiviti DADAH, PENGUBALAN WANG HARAM, tunggakan KAD KREDIT dll.

Mangsa tidak dibenarkan memberitahu pasangan / keluarga / kenalan dengan alasan siasatan adalah sulit.

Saspek meminta maklumat semua akaun bank mangsa. Saspek meminta mangsa memindahkan wang ke akaun lain untuk tujuan siasatan.

SASARAN MANGSA

Warga emas/ golongan pencen

Orang kaya/ berharta

Golongan yang mudah cemas.

SCAM ALERT

#beSmart

30 tertipu setiap hari

■ 500 kes penyamaran melalui telefon dilaporkan bulan lalu

Hasbi Sidek
cnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Angka mengejutkan apabila hampir 30 kes dilaporkan setiap hari berhubung penipuan melalui panggilan telefon atau Macau Scam dengan anggaran kerugian mencecah ratusan ribu ringgit.

Statistik itu dikeluarkan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) melalui laman Facebook (FB) rasmi Cyber

Crime Alert Royal Police Malaysia, kelmarin.

"Kes penyamaran telefon makin menjadi-jadi setiap hari. Hampir 30 kes di seluruh Malaysia dilaporkan dan membabitkan kerugian beratus-ratus ribu.

"Sebanyak lebih kurang 500 kes dilaporkan membabitkan penipuan penyamaran telefon pada Ogos 2018," menurut dua posting berbeza yang dimuat naik di laman sosial itu.

Menurut laman FB itu, walaupun banyak usaha dijalankan JSJK dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk

memberikan kesedaran kepada orang awam, namun masih ada mangsa terpedaya.

"Polis juga sering memaparkan di akhbar dan media sosial mengenai isu ini. Tetapi, setiap hari kes makin juga bertambah.

"Kebanyakan mangsa adalah dalam lingkungan usia 51 tahun ke atas. Habis simpanan dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), duit pencen dan simpanan 40 tahun bekerja," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah JSJK Bukit Aman (Multimedia dan Siber) Se-

nior Asisten Komisioner Ahmad Noordin Ismail berkata, statistik dimuat naik melalui FB milik pihaknya adalah sah.

"Kami memang sengaja memuat naiknya untuk memberi kesedaran kepada orang awam berhubung pelbagai penipuan penyamaran yang dilakukan melalui telefon dan sebagainya.

"Orang ramai boleh membuat semakan nombor akaun penerima melalui portal JSJK di <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule/>," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.